

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG - PKR]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN NO.52

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasionalnya Kerajaan-Kerajaan Negeri Pakatan Harapan serta Ahli-Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri daripada Pakatan Harapan tidak dijemput ke larian obor Sukan SEA ke-29 yang diadakan di setiap negeri.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) amat mengalu-alukan penglibatan daripada semua pihak bagi menjayakan Larian Obor Temasya Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017) yang akan berlangsung pada bulan Ogos dan September 2017. KBS juga telah memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang untuk terlibat dalam Larian Obor Kuala Lumpur 2017 melalui permohonan online yang telah dibuka di laman sesawang www.kualalumpur2017.com.my bermula pada 7 hingga 21 April 2017.
2. Dimaklumkan juga bahawa Larian Obor Kuala Lumpur 2017 sedang berlangsung bermula 13 Mei hingga 12 Ogos 2017 di seluruh negara. Tujuan Larian Obor Kuala Lumpur 2017 ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Rakyat Malaysia melibatkan diri dan menyatakan sokongan secara simbolik kepada para atlet yang akan bertanding dan kepada penganjuran Kuala Lumpur 2017 yang disasarkan menjadi temasya terbaik pernah disaksikan dalam sejarah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Larian Obor Kuala Lumpur 2017 ini adalah acara simbolik yang membawa mesej sukan sebagai sesuatu yang inklusif dan landasan perpaduan untuk masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 53

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan kes penderaan pelajar di sekolah tahfiz seluruh negara yang dilaporkan setakat ini serta cadangan untuk mewajibkan sekolah tahfiz untuk berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk Institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang

sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Oleh itu, pemantauan dan penaziran institusi tersebut adalah dibawah kawalan pihak berkuasa negeri berkenaan termasuk hal ehwal murid.

Manakala bagi sekolah aliran tahfiz yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pemantauannya adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian.

Mengenai cadangan mewajibkan pendaftaran sekolah tahfiz, dimaklumkan bahawa Enakmen dan peraturan yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri mengkehendaki semua sekolah agama termasuk institusi tahfiz berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri bagi memudahkan urusan pemantauan dan kawalan dijalankan. Isu pendaftaran ini juga menjadi perhatian serius dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang mana antara inisiatifnya adalah menggalakkan pendaftaran sementara bagi membolehkan institusi tahfiz memenuhi syarat pendaftaran rasmi. Kerajaan juga melalui DPTN telah memperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi insentif pendaftaran institusi tahfiz baru pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.